



# **BAHAGIAN**

# **04 LAIN-LAIN**



## BAHAGIAN

# 04 AKRONIM DAN SINGKATAN

AARG	Kumpulan Pengawal Selia Audit ASEAN
AASB	Lembaga Piawaian Pengauditan dan Jaminan
AC	Jawatankuasa Audit
ACCA	Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun
AOB	Lembaga Pemantauan Audit
EAR	<i>Laporan Juruaudit yang Dipertingkatkan</i>
ESB	Lembaga Piawaian Etika
EQCR	Penyemak Kawalan Kualiti Tugasan
EQR	Penyemak Kualiti Tugasan
GPPC	Jawatankuasa Dasar Awam Global
IAASB	Lembaga Piawaian Pengauditan dan Jaminan Antarabangsa
ICAEW	Institut Akauntan Bertauliah di England dan Wales
IESBA	Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa bagi Akauntan
IFIAR	Forum Pengawal Selia Audit Bebas Antarabangsa
ISA	<i>Piawaian Antarabangsa tentang Pengauditan</i>
ISQC	<i>Piawaian Antarabangsa tentang Kawalan Kualiti</i>
KAM	Hal Audit Utama
Labuan FSA	Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan
MASB	Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia
MFRS	Standard Laporan Kewangan Malaysia
MIA	Institut Akauntan Malaysia
MICPA	Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia
NAS	Perkhidmatan Bukan Jaminan
PIE	entiti berkepentingan awam
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PLC	syarikat awam tersenarai
SC	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
SCMA	<i>Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993</i>
TCWG	Mereka yang Dipertanggungjawabkan dengan Tadbir urus

# DEFINISI

Juruaudit	Juruaudit individu atau firma audit yang berdaftar atau diiktiraf di bawah Seksyen 310 SCMA sebagai juruaudit berdaftar atau juruaudit yang diiktiraf untuk suatu PIE atau kumpulan wang jadual.
Empat Firma Audit Besar	Deloitte, Ernst & Young, KPMG dan PricewaterhouseCoopers.
Firma Audit Utama	Firma audit dengan lebih daripada 10 rakan kongsi audit dan mengaudit lebih daripada 50 PIE dengan jumlah permodalan pasaran melebihi RM25 billion.
Firma Audit Lain	Firma audit selain daripada Firma Audit Utama.
Entiti berkepentingan awam	<p>Entiti yang dinyatakan dalam Bahagian 1, Jadual 1, SCMA–</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) suatu PLC atau perbadanan yang disenaraikan di bursa saham;</li> <li>(b) suatu bank yang dilesenkan di bawah <i>Akta Perkhidmatan Kewangan 2013</i>;</li> <li>(c) suatu penanggung insurans yang dilesenkan di bawah <i>Akta Perkhidmatan Kewangan 2013</i>;</li> <li>(d) suatu pengendali takaful yang dilesenkan di bawah <i>Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013</i>;</li> <li>(e) suatu bank Islam yang dilesenkan di bawah <i>Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013</i>;</li> <li>(f) seseorang yang ditetapkan sebagai suatu institusi kewangan yang ditetapkan dibawah seksyen 212 <i>Akta Perkhidmatan Kewangan 2013</i> atau seseorang yang ditetapkan sebagai suatu institusi kewangan Islam yang ditetapkan dibawah seksyen 223 <i>Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013</i>;</li> <li>(g) suatu institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan di bawah <i>Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002</i>;</li> <li>(h) suatu pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk menjalankan aktiviti yang dikawal selia bagi berurus niaga dalam sekuriti, derivative atau pengurusan kumpulan wang;</li> <li>(i) suatu syarikat pegangan bursa yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti;</li> <li>(j) suatu bursa yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti;</li> <li>(k) suatu depositori pusat yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti;</li> <li>(l) suatu pusat penjelasan yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti;</li> </ul>

- (m) suatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf di bawah undang-undang sekuriti;
- (n) suatu pentadbir skim persaraan swasta yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti;
- (o) suatu repositori dagangan yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti;
- (p) Capital Market Compensation Fund Corporation;
- (q) Mana-mana orang lain sebagaimana yang Menteri boleh tetapkan melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

Kumpulan wang jadual

Dana yang dinyatakan dalam Bahagian 2, Jadual 1 SCMA:

- (a) suatu skim persaraan swasta yang diluluskan oleh SC di bawah *Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007* (CMSA);
- (b) suatu skim unit amanah yang diuluskan, diberi kuasa atau diiktiraf oleh SC di bawah CMSA;
- (c) mana-mana dana pasaran modal lain sebagaimana yang ditentukan oleh SC.

Perintah Kawalan  
Pergerakan

Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia pada Mac 2020 dan langkah-langkah kawalan pergerakan seterusnya.